

MESYUARAT Pengerusi JTBU BERSAMA Pengerusi BAKAT PANGKALAN/UNIT

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2674-mesyuarat-pengerusi-jtbu-bersama-pengerusi-bakat-pangkalan-unit

KUALA LUMPUR, 15 Nov 17 - Satu Persidangan Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Udara bersama Pengerusi BAKAT Pangkalan telah diadakan di Rumah Bakat Udara Pangkalan Udara Kuala Lumpur.

Persidangan seperti ini adalah julung-julung kali diadakan yang telah dipengerusikan oleh YAM Tengku Puteri Seri Teja Pahang Puan Sri Hj Tengku Muhaini bt Sultan Hj Ahmad Shah.

Persidangan ini bertujuan untuk menentukan corak pentadbiran BAKAT Udara diperingkat pangkalan seiring dengan manifestasi pucuk pimpinan Jemaah Tertinggi BAKAT Udara yang menitikberatkan perkara perkara kebajikan dalam mengukuhkan institusi kekeluargaan dan selain itu, persidangan ini juga membuat penambahbaikan terhadap Perlembagaan BAKAT Udara agar tersusun dan konstruktif.

Sesi persidangan ini juga turut dihadiri oleh pegawai-pegawai BAKAT pangkalan.



